

Umar Bin Al-Khattab Pernah Melihat Anas Bin Malik Bersembahyang Dekat Satu Kubur, Beliau Lantas Berkata: "Kubur, Kubur" Tetapi Beliau Tidak Menyuruh Anas Mengulangi Sembahyangnya.⁵⁹³

٤٠٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ هِشَامٍ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أُمَّ حَبِيبَةَ وَأُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرْنَا كَنِيسَةً رَأَيْنَهَا بِالْحَبَشَةِ فِيهَا تَصَاوِيرُ فَذَكَرْنَا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ أُولَئِكَ إِذَا كَانَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّورَ فَأُولَئِكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

409- Muhammad bin al-Muthanna meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam, katanya: Ayahku meriwayatkan kepadaku daripada 'Aaisyah Ummil Mu'minin bahawa Ummu Habibah dan Ummu Salamah menyebutkan sebuah gereja yang pernah mereka lihat di Habsyah. Di dalamnya ada patung-patung. Mereka menceritakan (perkara itu) kepada Nabi s.a.w. Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya apabila mati orang saleh di kalangan mereka, dibinalah di atas kuburnya sebuah masjid dan dibuatlah patung-patung itu di dalamnya. Mereka itulah orang yang paling jelik (teruk) di sisi Allah pada hari kiamat nanti."⁵⁹⁴

sembahyang. (5) Abu Martsad al-Ghanawi meriwayatkan katanya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: لَا تَجْلِسُوا عَلَى الْقُبُورِ وَلَا تُصَلُّوا إِلَيْهَا Bermaksud: Jangan kamu duduk di atas kubur dan jangan bersembahyang dengan menghadap kepadanya. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Larangan di dalam hadits ini merangkumi juga bersembahyang di atas kubur berdasar sesetengah riwayat yang lain (dengan lafaz عَلَيْهَا di tempat إِلَيْهَا itu) dan bersembahyang di antara dua kubur."

⁵⁹³ Ta'liq ini diwashalkan oleh Waki' bin al-Jarraah daripada Sufyan bin Sa'id daripada Humaid daripada Anas. Abu Nu'aim (guru Bukhari) dan Baihaqi juga mewashalkannya dengan sanad mereka masing-masing sampai kepada Anas.

⁵⁹⁴ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Dilarang membina masjid di atas kubur kerana ia menyerupai perbuatan orang-orang Yahudi dan Nashara. (2) Ber'ibadat di dalam masjid atau rumah 'ibadat yang dibina di atas kubur telah terbukti merupakan salah satu sebab penting yang mendorong kepada kesesatan dan kesyirikan. (3) Nabi s.a.w. sentiasa mengingatkan umatnya daripada perkara-perkara yang boleh membawa kepada kecelakaan dan kesyirikan. (4) Salah satu perkara yang sentiasa membawa manusia kepada kesyirikan ialah gambar-gambar atau patung-patung orang-orang yang dianggap mulia dan suci oleh masyarakat tertentu, terutamanya apabila ia diletakkan di rumah-rumah 'ibadat. (5) Orang-orang yang membuat gambar dan patung untuk disembah dan dipuja akan menjadi orang yang paling jelik (teruk) di sisi Allah pada hari kiamat nanti kerana merekalah yang bertanggungjawab kepada kesyirikan yang berlaku di kalangan masyarakat manusia. (6) Keharusan menceritakan pengalaman dan apa-apa yang pernah disaksikan semasa berada di negeri orang, terutamanya sesuatu yang berbeza daripada yang terdapat di negeri sendiri. (7) Cerdik pandai, pemimpin dan para 'ulama' seharusnya mengomentari sesuatu cerita yang disampaikan kepada mereka, sekiranya ia memerlukan komentar. (8) Orang-orang yang melakukan perkara haram dan apa-apa yang boleh merosakkan 'aqidah manusia adalah sangat jelik dan tercela.

٤١٠ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ فَتَزَلَ أَعْلَى الْمَدِينَةِ فِي حَيٍّ يُقَالُ لَهُمْ بَنُو عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ فَأَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيهِمْ أَرْبَعًا وَعِشْرِينَ لَيْلَةً ثُمَّ أَرْسَلَ إِلَى بَنِي النَّجَّارِ فَجَاءُوا مُتَقَلِّدِي السُّيُوفِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَاحِلَتِهِ وَأَبُو بَكْرٍ رَدْفُهُ وَمَلَأُ بَنِي النَّجَّارِ حَوْلَهُ حَتَّى أَلْقَى بِفِنَاءِ أَبِي أَيُّوبَ وَكَانَ يُجِبُّ أَنْ يُصَلِّيَ حَيْثُ أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ وَيُصَلِّيَ فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ وَأَنَّهُ أَمَرَ بِنَاءَ الْمَسْجِدِ فَأَرْسَلَ إِلَى مَلَإٍ مِنْ بَنِي النَّجَّارِ فَقَالَ يَا بَنِي النَّجَّارِ تَأْمِنُونِي بِحَائِطِكُمْ هَذَا قَالُوا لَا وَاللَّهِ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَقَالَ أَنَسٌ فَكَانَ فِيهِ مَا أَقُولُ لَكُمْ قُبُورُ الْمُشْرِكِينَ وَفِيهِ خَرْبٌ وَفِيهِ نَخْلٌ فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبُورِ الْمُشْرِكِينَ فَنَبَشَتَتْ ثُمَّ بِالْخَرْبِ فَسَوَّيْتُ وَبِالنَّخْلِ فَقَطَّعَ فَصَوَّوْا النَّخْلَ قِبْلَةَ الْمَسْجِدِ وَجَعَلُوا عِضَادَتِيهِ الْحِجَارَةَ وَجَعَلُوا يَنْقُلُونَ الصَّخَرَ وَهُمْ يَرْتَجِزُونَ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَهُمْ وَهُوَ يَقُولُ اللَّهُمَّ لَا خَيْرَ إِلَّا خَيْرُ الْآخِرَةِ فَاعْفِرْ لِلْأَنْصَارِ وَالْمُهَاجِرَةِ

410- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Waarits meriwayatkan kepada kami daripada Abi at-Tayyah daripada Anas bin Malik, katanya: (Ketika mula-mula) Nabi s.a.w. datang ke Madinah, beliau s.a.w. singgah di kawasan tanah tingginya di satu perkampungan qabilah yang dipanggil Banu 'Amar bin 'Auf. Nabi s.a.w. berada di kalangan mereka selama dua puluh empat malam.⁵⁹⁵ Kemudian Baginda menghantar utusannya kepada Bani an-Najjar.⁵⁹⁶

⁵⁹⁵ Demikianlah tercatat di dalam nuskah cetakan India dan Pakistan, 'selama dua puluh empat malam'. Nuskah ini sebenarnya adalah berdasarkan riwayat al-Mustamli dan al-Hamawi. Di dalam kebanyakan nuskah cetakan 'Arab tercatat di sini 'selama empat belas malam'. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan: "Riwayat yang menyebutkan empat belas malam itulah yang betul. Ia diriwayatkan oleh perawi-perawi nuskah Sahih Bukhari yang lain selain al-Mustamli dan al-Hamawi. Abu Daud juga meriwayatkan daripada Musaddad (guru Bukhari di dalam isnad ini) dengan isnad yang sama 'selama empat belas malam'." Di dalam nuskah cetakan India dan Pakistan, 'selama empat belas malam' itu hanya tercatat di hasyiahnya. Tetapi di dalam (باب مقدم النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه المدينة) di dalam Sahih Bukhari ini juga nanti jelas terdapat persamaan di antara nuskah cetakan 'Arab dan cetakan India atau Pakistan. Di dalam satu hadits di bawahnya tersebut 'selama empat belas malam' tanpa khilaf. Menurut Syeikh Zakariya, yang betulnya ialah riwayat yang menyebutkan 'selama dua puluh empat malam'. Alasannya ialah semua 'ulama' hadits dan sirah bersepakat tentang Rasulullah s.a.w. sampai ke Qubaa' pada hari Isnin dan Baginda s.a.w. betolak dari Mekah juga pada hari Isnin. Nabi s.a.w. berangkat dari Qubaa' ke Madinah pada hari Juma'at dan mula-mula sekali bersembayang Juma'at di kawasan Bani Salim. Jika dilihat sepintas lalu, kedua-dua tempoh yang tersebut di dalam Sahih Bukhari itu tidak tepat dengan apa yang disepakati oleh 'ulama' hadits dan sirah. Kerana kalau dikatakan Rasulullah s.a.w. berada di kawasan Bani 'Amar bin 'Auf di Qubaa' selama empat belas hari, tentu hari ke empat belasnya ialah hari Sabtu, sedangkan mereka sudah bersepakat bahawa Nabi s.a.w. berangkat ke Madinah pada hari Juma'at bukan pada hari Sabtu. Bukankah apabila diterima Baginda s.a.w. sampai ke Qubaa' pada hari Isnin, bermula hari Isnin pertama hingga hari Isnin kedua lapan hari, terus ke hari Isnin ketiga, lima belas hari, bukan empat belas hari. Pendek kata kiralah bagaimana sekalipun, tempoh empat belas hari itu tidak akan tepat dengan apa yang telah disepakati ahli hadits dan ahli sirah. Bagi Syeikh Zakariya tidak semestinya setiap riwayat Bukhari yang sahih sanadnya itu bertepatan juga dengan kenyataan yang sebenarnya. Yang benar hanya salah satu daripadanya. Tidak mungkin sama sekali kedua-duanya benar. Riwayat yang menyebutkan selama dua puluh empat malam juga tidak tepat dengan apa yang telah disepakati ahli hadits dan ahli sirah. Ini kerana hari Isnin pertama hingga hari Isnin kedua lapan hari, terus ke hari Isnin ketiga, lima belas hari dan hingga ke hari Isnin ke empat dua puluh dua hari bukan dua puluh empat hari. Hingga ke hari Rabu barulah cukup dua puluh empat hari. Bagaimanapun hari Juma'at bukan hari ke dua puluh empat tetapi hari kedua puluh enam. Kecualilah kalau tidak diambil kira hari sampai ke Qubaa' dan hari keluar ke Madinah. Bagi Syeikh Zakariya perawi tidak memasukkan ke dalam perkiraannya, hari sampai dan hari keluar itu. Maka disebutnyalah dua puluh empat hari. Memanglah kalau

Mereka pun datang dalam keadaan memakai pedang-pedang.⁵⁹⁷ Aku semacam nampak lagi Rasulullah s.a.w. berada di atas kenderaannya dan Abu Bakar membonceng Baginda. Pembesar-pembesar Bani an-Najjar pula mengiringi Nabi s.a.w. sehinggalah Baginda berhenti di halaman rumah Abi Ayyub.⁵⁹⁸ Nabi s.a.w. suka bersembahyang apabila masuk waktunya, tidak kira biar di mana beliau berada. Pada ketika itu beliau s.a.w. selalu bersembahyang di kandang

dikira begitu, niscaya pendapat Syeikh Zakariya lebih kuat kerana ia bertepatan dengan apa yang telah disepakati ahli hadits dan ahli sirah. Syeikh Zakariya mengira tempoh Nabi s.a.w. berada di Qubaa' bermula dari hari Selasa bukan hari Isnin (iaitu hari sampai ke Qubaa'). Dari Selasa pertama ke Selasa kedua lapan hari, terus Ke Selasa ketiga, lima belas hari dan ke Selasa ke empat dua puluh dua hari. Hari Rabu selepas itu adalah hari ke dua puluh tiga dan hari Khamisnya adalah hari kedua puluh empat. Ini bererti Nabi s.a.w. berada di Qubaa' selama tiga kali Juma'at, namun Baginda s.a.w. tidak bersembahyang Juma'at selama berada di Qubaa' itu. 'Ulama' Syafi'iyah berkata, sebabnya Rasulullah s.a.w. tidak bersembahyang Juma'at di Qubaa' ialah kerana sembahyang Juma'at belum lagi difardhukan. Ulama Hanafiyyah pula berkata, bukan itu sebabnya. Sebabnya yang sebenar ialah kerana Qubaa' hanya sebuah kampung. Ia bukan bandar yang merupakan syarat untuk fardhunya sembahyang Juma'at di sisi mereka. Penulis-penulis sirah pula kebanyakannya terpengaruh dengan riwayat Ibnu Ishaq yang menyebutkan Rasulullah s.a.w. hanya berada di Qubaa' selama empat hari sahaja. Baginda s.a.w. sampai ke Qubaa' pada hari Isnin dan bertolak dari Qubaa' ke Madinah pada hari Juma'at minggu itu juga. Riwayat Ibnu Ishaq ini kepada sesetengah orang mungkin lebih masuk akal kerana bukannya destinasi sebenar Rasulullah s.a.w. ialah Madinah? Untuk apa pula Rasulullah s.a.w. berada di Qubaa' begitu lama. Kalau Rasulullah s.a.w. berada di Qubaa' selama empat belas hari atau dua puluh empat hari, tentulah telah ramai orang-orang Madinah berkunjung ke Qubaa' utk bertemu Baginda s.a.w. Untuk apa lagi Rasulullah s.a.w. ditunggu di Madinah? Qubaa' terletak hanya dua batu saja dari Madinah. Tidak ada sebab dalam masa yang agak lama itu para sahabat yang begitu rindu utk bertemu dengan Baginda s.a.w. tidak boleh pergi saja ke Qubaa'! Tetapi riwayat Ibnu Ishaq itu jelas bertentangan dengan riwayat Bukhari dan Muslim yang menyebutkan tempohnya ialah empat belas hari atau dua puluh empat hari seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Anggapan sesetengah pihak yang disebutkan tadi pula tidak lebih dari satu kekeliruan. Ini kerana Qubaa' juga dikira sebahagian dari madinah. Hadits di atas dengan terang menyebutkannya. Selain itu banyak perkara juga telah dibuat Rasulullah s.a.w. semasa berada di Qubaa'. Antaranya ialah membina masjid yang dikenali dengan masjid Qubaa'. Untuk menyempurnakan kerja-kerja seperti itu tentunya mengambil masa agak lama. Memang benar perjalanan hijrah Rasulullah s.a.w. tidak berakhir di Qubaa'. Sebab itulah Beliau s.a.w. terus menuju ke destinasi terakhirnya iaitu pusat bandar Yatsrib (nama lama Madinah) atau Madinah itu sendiri setelah menyempurnakan beberapa perkara di Qubaa'.

⁵⁹⁶ Tujuan Rasulullah s.a.w. menghantar utusannya kepada Banu an-Najjaar ialah supaya mereka datang ke Qubaa' untuk mengiringi Beliau s.a.w. ke Madinah. Ini kerana mereka merupakan keluarga sebelah ibunda Beliau s.a.w. Ceritanya ialah datuk kedua Rasulullah s.a.w. yang bernama Hasyim telah berkahwin dengan Salma binti 'Amar bin Zaid dari keluarga Bani 'Adi bin an-Najjaar di Madinah. Hasil perkahwinan itu mereka mendapat anak lelaki yang diberi nama 'Abdul Mutthalib iaitu datuk Nabi s.a.w.

⁵⁹⁷ Menurut 'ulama', Ada dua sebab kenapa mereka datang dengan memakai (menggantungkan) pedang. Pertamanya ialah ia secara simbolik menyatakan kesediaan mereka mempertahankan Nabi s.a.w. Keduanya ialah pakaian dengan lengkap berpedang seperti itu merupakan pakaian rasmi mereka ketika menghadap orang-orang ternama atau sempena hari-hari istimewa dan hari-hari penting. Ia tak ubah seperti pakaian rasmi orang Melayu yang lengkap dengan tengkolok, sampin dan keris dalam majlis-majlis rasmi mereka.

⁵⁹⁸ Bukan tidak ada orang atau keluarga yang menjemput Rasulullah s.a.w. singgah menginap di rumahnya. Malah di sepanjang jalan di Madinah itu ada-ada saja orang yang mempersilakan Baginda ke rumahnya. Tetapi apakah daya mereka, Rasulullah s.a.w. sendiri terus mengatakan: *اتركها فاتها مأمورة* "Biarkan untaku ini! Sesungguhnya ia diperintah (Allah untuk membawaku pergi ke mana dikehendakiNya)." Dengan takdir Allah unta yang membawa Nabi s.a.w. bersama Abu Bakar itu akhirnya berhenti di hadapan rumah Abi Ayyub al-Anshaari r.a. Rupa-rupanya Abu Ayyub dipilih Allah untuk menjadi tuan rumah kepada Rasulullah s.a.w. sebaik Baginda s.a.w. sampai ke Madinah. Ini adalah satu kelebihan besar Abi Ayyub dan keluarganya. Ia disaksikan oleh semua hadirin yang berdiri di sepanjang jalan untuk menyambut Rasulullah s.a.w.

kambing.⁵⁹⁹ (Kemudian) Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya dibinakan masjid. Baginda menghantar utusannya kepada pembesar-pembesar Bani an-Najjar. Kata Baginda s.a.w: “Wahai Bani an-Najjar! Sebutlah harga kebunmu ini kepadaku.” Mereka berkata: “Tidak, demi Allah! Kami tidak mahu harganya kecuali dari Allah ‘Azza wa Jalla”. Anas menjelaskan: “Di dalam kebun itu ada kubur orang-orang musyrik, runtuh-runtuh (bangunan) dan juga pokok tamar.” Nabi s.a.w. pun memerintahkan supaya digemburkan tanah kubur orang-orang musyrik itu dan diratakan runtuh-runtuh (bangunan) padanya serta ditebang pokok-pokok tamarnya. Para sahabat mengaturkan (batang-batang) pokok tamar di sebelah qiblat masjid dan mereka letakkan (susunkan) batu sebagai dindingnya. Mereka mengangkut batu-batu besar bersama-sama dengan Nabi s.a.w. sambil Baginda s.a.w. mengungkapkan rajaz ini: “Tiada kebaikan sebenarnya kecuali kebaikan akhirat. Maka ampunilah golongan Anshaar dan Muhajir.”⁶⁰⁰

بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَرَاضِ الْغَنَمِ

⁵⁹⁹ Berdasarkan hadits no: 411 akan datang yang juga diriwayatkan oleh Anas, maksudnya ialah Baginda s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing sebelum masjid di bina. Adapun selepas dibina masjid, Baginda s.a.w. tidak lagi bersembahyang di situ.

⁶⁰⁰ Antara pengajaran dan panduan yang dapat disimpulkan daripada hadits ialah: (1) Orang yang merentasi perjalanan yang jauh boleh dan elok berhenti pada tempat-tempat perhentian yang sesuai. (2) Orang yang menuju ke sesuatu destinasi boleh berhenti agak lama di sesuatu tempat untuk menyempurnakan apa-apa hajatnya. (3) Mengutamakan keluarga dan sanak saudara dalam berkira bicara dan meminta sesuatu pertolongan terutamanya di tempat asing juga merupakan salah satu sunnah Nabi s.a.w. (4) Keharusan memakai pakaian rasmi dalam upacara-upacara tertentu atau sempena hari-hari tertentu. (5) Senjata seperti pedang, keris dan sebagainya juga dikira sebagai pelengkap pakaian rasmi sesuatu bangsa atau suku kaum. (6) Peristiwa-peristiwa bersejarah di zaman Nabi s.a.w. tetap segar dalam ingatan para sahabatnya. (7) Kelebihan dan keutamaan Abi Ayyub al-Anshaari. (8) Nabi s.a.w. suka bersembahyang apabila masuk waktunya, tidak kira biar di mana sekalipun beliau berada. (9) Keharusan bersembahyang di kandang kambing. (10) Pembinaan masjid adalah sesuatu yang penting dalam masyarakat Islam. Kerana itulah antara kerja pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. apabila sampai ke Qubaa’ ialah membina masjid. Antara kerja pertama Baginda s.a.w. apabila sampai ke Madinah juga ialah membina masjid. (11) Keharusan membeli tanah untuk membangunkan masjid. (12) Tidak boleh bertindak sewenang-wenang dan bermudah-mudah terhadap harta atau tanah anak yatim walaupun untuk kerja-kerja agama seperti membangunkan masjid. (13) Di atas tapak masjid Nabi s.a.w. itu asalnya terdapat kubur orang-orang musyrikin jahiliah, kebun tamar dan runtuh-runtuh bangunan. (14) Keharusan membonceng. (15) Keharusan menukar status tanah kubur dan lain-lain kepada tanah masjid dan lain-lain. (16) Keharusan membongkar, meratakan dan membersihkan tanah perkuburan orang-orang musyrikin untuk dibangunkan masjid di atasnya. (17) Keharusan menebang pokok yang berbuah kerana sesuatu keperluan. (18) Keelokan mengiringi tetamu yang dihormati. (19) Mengiringi tetamu termasuk dalam sunnah taqirriyyah Nabi s.a.w. (20) Untuk meringankan kerja dan sebagai menghiburkan hati seseorang boleh mengungkapkan syair, rajaz, pantun dan sebagainya. Dia juga boleh mendendangkan lagu atau mendengar orang lain menyanyikannya ketika sedang melakukan sesuatu pekerjaan. (21) Syair atau rajaz yang diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w. tetap mengandungi ajaran yang baik dan ‘aqidah yang diperjuangkannya. (22) Golongan Muhajirin dan Anshaar adalah dua golongan manusia yang bertuah kerana telah berjuang bersama Rasulullah s.a.w. dan telah mendapat doa restu Baginda s.a.w. secara khusus.

22- Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing.⁶⁰¹

⁶⁰¹ Apakah maksud bukhari mengadakan bab ini dan apakah kaitannya dengan bab masjid? Para pensyarah Sahih Bukhari telah memberikan pandangan masing-masing mengenainya. Antara lainnya ialah untuk menyatakan: (1) Keharusan bersembahyang di kandang kambing. (2) Keelokan bersembahyang di situ berbanding di tempat-tempat lain. (3) Air kencing kambing dan tahinya tidak najis. (4) Pendapat Syafi'e yang mengatakan makruh bersembahyang di kandang kambing kecuali ia bersih daripada air kencing dan tahinya adalah marjuh (tidak kuat daripada segi dalilnya). (5) Binatang-binatang itu tidak sama kedudukannya. Ada yang dilarang kita bersembahyang di kandangnya seperti unta dan ada juga yang tidak, malah disuruh kita bersembahyang di kandangnya seperti kambing. Hakikat ini dapat dilihat di dalam satu hadits Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Jabir bin Samurah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: صَلُّوا فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ وَلَا تُصَلُّوا فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ. Bermaksud: Bersembahyanglah kamu di kandang-kandang kambing. Jangan kamu bersembahyang di kandang-kandang unta. Justeru Rasulullah s.a.w. juga telah menyebutkan sebabnya dalam satu sabdanya yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Abi Syaibah daripada Baraa' bin 'Aazib r.a, katanya:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوُضْوءِ مِنْ لَحُومِ الْإِبِلِ فَقَالَ تَوَضَّئُوا مِنْهَا وَسَبِّحْ عَنْ لَحُومِ الْغَنَمِ فَقَالَ لَا تَوَضَّئُوا مِنْهَا وَسَبِّحْ عَنْ الصَّلَاةِ فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ فَقَالَ لَا تُصَلُّوا فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ فَإِنَّهَا مِنَ الشَّيَاطِينِ وَسَبِّحْ عَنْ الصَّلَاةِ فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ فَقَالَ صَلُّوا فِيهَا فَإِنَّهَا بَرَكَةٌ

Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. pernah ditanya tentang keperluan berwudhu' kerana memakan daging unta. Jawab baginda s.a.w: "Berwudhu'lah apabila kamu memakannya. Beliau ditanya (lagi) tentang keperluan berwudhu' kerana memakan daging kambing. Maka jawab beliau: Tidak perlulah kamu berwudhu' kerananya. Rasulullah s.a.w. (seterusnya) ditanya tentang bersembahyang di kandang-kandang unta. Jawab baginda: Jangan kamu bersembahyang di kandang unta kerana ia seperti syaitan (suka mengganggu dan boleh menyakiti manusia). Baginda s.a.w. (juga) pernah ditanya tentang bersembahyang di kandang-kandang kambing. Maka Beliau s.a.w. menjawab: Bersembahyanglah kamu di kandang kambing kerana ia membawa berkat." (6) Tapak masjid Nabi s.a.w. itu dulu, sebahagiannya adalah kandang kambing. Setelah diratakan dan dibersihkan, Nabi s.a.w. selalu juga bersembahyang di situ sebelum masjid didirikan. Jadi maksud kata-kata Anas: "Nabi s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing." itu sebenarnya mengambil kira kedudukan asalnya (باعتبار ما كان). Anas sesungguhnya telah menggunakan qaedah majaz mursal di dalam riwayat di atas. Keterangan Anas seterusnya lebih menjelaskan lagi fakta ini apabila beliau berkata: "Baginda s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing sebelum masjid dibina." Ia sama sekali tidak bererti Rasulullah s.a.w. sengaja memilih kandang kambing yang penuh dengan air kencing dan tahinya utk bersembahyang. Ia juga sama sekali tidak bererti bahawa Nabi s.a.w. menganggap kandang kambing adalah tempat yang lebih baik daripada tempat-tempat lain utk seseorang mengerjakan sembahyang. Tetapi ia tetap lebih baik daripada kandang unta atau tempat-tempat lain seumpamanya. (7) Bagi penulis, bermula daripada bab 22 ini hingga ke bab 29, bukhari mahu membicarakan tentang masjid dalam erti katanya yang lebih luas iaitu tempat-tempat yang boleh dijadikan sebagai tempat sujud (مسجد) atau tempat sembahyang. Bab ke dua puluh sembilan dengan terang mendedahkan maksud bukhari dengan beberapa bab ini. Kesimpulannya ialah bumi ini dijadikan untukku (kata Nabi s.a.w.) sebagai masjid (tempat sembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci. Perbuatan Nabi s.a.w. sendiri bersembahyang di kandang kambing dan suruhannya supaya orang lain juga bersembahyang di kandang kambing tidak lebih daripada menyatakan kandang kambing juga boleh dijadikan tempat sembahyang kerana ia juga merupakan sebahagian daripada bumi yang tidak dikecualikan oleh Beliau s.a.w. Apa lagi kambing pada umumnya adalah sejenis binatang yang jinak, ditenak oleh para nabi a.s, tidak bersifat menyerang dan mengganggu sehingga boleh meghilangkan khusyu' orang yang bersembahyang dan banyak lagi kesesuaian dan keserasiannya dengan orang-orang yang bersembahyang. Soal air kencing dan tahinya, itu boleh diatasi dengan memilih tempat atau ruang yang bersih di kandangnya itu. Ia juga boleh diatasi dengan menghamparkan sesuatu pelapik di atasnya. Jika diambil kira pendapat golongan yang mengatakan air kencing dan tahinya (termasuk air kencing dan tahi binatang-binatang lain yang halal dimakan) tidak najis, lebih-lebih lagilah tiada halangan untuk seseorang bersembahyang di kandang kambing. Menerusi bab-bab ini imam bukhari mahu menjelaskan bahawa seseorang harus (boleh) bersembahyang di sesetengah tempat meskipun ia kelihatan kurang bersih. Manakala di sesetengah tempat yang lain pula dilarang atau makruh dia bersembahyang, kerana di situ terdapat sesuatu seperti berhala, patung dan sebagainya walaupun ia kelihatan bersih. Bagaimanapun sembahyang tetap sah jika dikerjakan di tempat-tempat itu.

٤١١ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ ثُمَّ سَمِعْتُهُ بَعْدُ يَقُولُ كَانَ يُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ قَبْلَ أَنْ يُنْشَأَ الْمَسْجِدُ

411- Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada Abi at-Tayyah daripada Anas bin Malik, katanya: “Nabi s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing.” Kemudian aku (Abu at-Tayyah) mendengar beliau (Anas) berkata: “Baginda s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing sebelum dibina masjidnya.”

بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَوَاضِعِ الْإِبِلِ

23- Bab Bersembahyang Di Tempat-Tempat Unta (Berada).⁶⁰²

⁶⁰² Tiga perkara sekurang-kurangnya perlu diambil kira untuk memahami tajuk bab di atas. Ketiga-tiganya memang merupakan metodologi Bukhari dalam penyusunan tajuk-tajuk bab di dalam Sahihnya. **Pertama:** Kenapa Bukhari tidak menggunakan perkataan-perkataan yang sememangnya tersebut di dalam hadits-hadits larangan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di tempat-tempat di mana unta berada. Kenapa beliau tidak menggunakan salah satu daripada perkataan-perkataan berikut ini: مَرَابِضُ الْإِبِلِ، مَبَايِضُ الْإِبِلِ، مَنَاجِ الْإِبِلِ، مَرَابِدُ الْإِبِلِ، مَعَاظِنُ الْإِبِلِ، أَعْطَانُ الْإِبِلِ، مَبَارِكُ الْإِبِلِ، seperti tersebut di dalam riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Thabaraani, Ahmad, Thahaawi dan lain-lain? Beliau sebaliknya menggunakan perkataan مَوَاضِعُ الْإِبِلِ yang tidak tersebut di dalam mana-mana hadits pun! **Kedua:** Kenapa Bukhari membuat bab ini secara terbuka tanpa memutuskan apa-apa hukum tentangnya? **Ketiga:** Kenapa Bukhari meletakkan bab ini selepas مَرَابِضُ الْغَنَمِ بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ (Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing) yang juga disebutnya secara terbuka? **Beberapa jawapan telah diberikan** oleh para pensyarah Sahih Bukhari untuk merungkai kemusykilan pertama. Antaranya ialah: (1) Perkataan مَوَاضِعُ الْإِبِلِ merangkumi semua erti perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits. مَبَارِكُ الْإِبِلِ ialah tempat duduk unta. أَعْطَانُ الْإِبِلِ dan مَعَاظِنُ الْإِبِلِ ialah tempat duduk unta ketika pergi ke sumber air untuk minum. مَرَابِدُ الْإِبِلِ ialah tempat di mana unta dikurung atau kandang unta. مَنَاجِ الْإِبِلِ ialah tempat duduk unta di mana-mana saja. مَبَايِضُ الْإِبِلِ ialah tempat unta kembali atau berlindung. مَرَابِضُ الْإِبِلِ pula ialah tempat unta berehat. Bagi Bukhari perkataan-perkataan yang berbeza-beza itu sebenarnya menunjukkan semua tempat di mana unta berada مَوَاضِعُ الْإِبِلِ, tidak kira sama ada di kandangnya atau di lain-lain tempat. Jika dipilih salah satu perkataan yang tersebut di dalam hadits, mungkin akan difahami larangan itu khusus dengannya sahaja. Sebab larangan Nabi s.a.w. daripada bersembahyang di tempat-tempat unta berada itu bukanlah kerana air kencing dan tahinya najis tetapi kerana besar kemungkinan akan ada gangguan daripada unta yang bersifat suka mengganggu dengan menggigit, merempuh dan sebagainya sehingga menghilangkan khusyu` orang yang bersembahyang. (2) Perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits seperti yang dibentangkan di atas tadi, walaupun sahih tetapi semuanya tidak tersebut di dalam hadits sahih yang menepati syariatnya. Kerana itulah Bukhari menyebutkan satu perkataan lain yang merangkumi erti semua perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits itu. (3) Imam Bukhari tidak mengguna perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits tidak kerana lain melainkan kerana beradab dengan Rasulullah s.a.w. Beliau tidak suka menyanggah Baginda s.a.w. walaupun hanya pada zahir (معارضه صوريه). Hadits-hadits itu jelas menyatakan larangan Nabi s.a.w. Atsar Ibnu `Umar di bawah bab ini pula menunjukkan keharusan bersembahyang dekat unta. **Berhubung dengan kemusykilan kenapa Bukhari** membuat bab ini secara terbuka tanpa memutuskan apa-apa hukum tentangnya. Jawapannya ialah oleh kerana para `ulama` berbeza pendapat tentang hukum bersembahyang di kandang unta dan masing-masing mereka mempunyai dalil yang kuat, maka Bukhari tidak mahu membuat apa-apa keputusan tentang hukumnya. Sikap Bukhari ialah menghormati kedua-dua belah pihak yang mempunyai dalil dan hujjah yang kukuh. Berikut ialah perincian mazahib `ulama` tentangnya: (1) Jumhur `ulama` termasuk Abu Hanifah, Syafi'e, Abu Yusuf, Muhammad dan lain-lain tokoh berpendapat, bersembahyang di kandang unta adalah harus jika ia bersih. Mereka berpegang dengan hadits Nabi s.a.w. yang bermaksud: “Bumi ini dijadikan untukku sebagai masjid (tempat